

QS World University Rankings 2023: UNIMAS di Kedudukan 1001-1200 Dunia



London, UK : Edisi terbaru **QS World University Rankings (WUR) 2023** telah dikeluarkan pada 8 Jun 2022 lalu di London dengan menampilkan lebih 1400 universiti dari seluruh dunia dalam senarai penarafan terbesar tahun ini. Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) telah disenaraikan berada pada kedudukan 1001-1200 dunia.

Quacquarelli Symonds (QS) ialah syarikat UK yang mengkhusus dalam analisis institusi pengajian tinggi di seluruh dunia. Syarikat ini diasaskan pada tahun 1990 oleh Nunzio Quacquarelli. Metodologi yang digunakan bagi penarafan QS WUR adalah Academic Reputation (40%); Employer Reputation (10%); Faculty Student Ratio (20%); Citations per Faculty (20%); International Faculty (5%) and International Students (5%).

Penarafan tahun ini turut menampilkan dua petunjuk baharu iaitu Employment Outcome dan International Research Network. Walaubagaimanapun kedua-duanya tidak mempunyai wajaran markah tahun ini dan ianya tidak menjelaskan skor keseluruhan universiti.

PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN

PENGARAH :
PROF DR TARMIJI MASRON

TIMBALAN PENGARAH :
PROF MADYA DR LEE NUNG KION

PENOLONG PENDAFTAR KANAN :
DAYANG MAZINA AWANG BATU
DAYANG ZULIANA ABG ABD RAHMAN

PENOLONG PEGAWAI TADBIR KANAN :
GUSTINATA BASUAN
ADELINE ANN LUBI

PEN PEG TEK MAKLUMAT KANAN :
MOHD HAIRULNIZAM MOHD ZAMRI

SETIAUSAHA PEJABAT :
NUR AISHAH JORI

PEMBANTU TADBIR KANAN :
NORISA MOHAMAD SAHARI

PEMBANTU TADBIR :
SITI AFIZAH JAMIL
MOHD HAFIZUDDIN SULAIMAN

PEMBANTU OPERASI :
ROZAIMI ANIS



Sebaliknya, ia telah dimasukkan supaya QS boleh mengumpulkan maklum balas daripada institusi sebelum ianya dimasukkan sepenuhnya dalam metodologi pada tahun depan.

Ini merupakan tahun keempat UNIMAS berjaya disenaraikan dalam penarafan QS WUR sejak tahun 2020. Data yang digunakan bagi tujuan penarafan ini ialah data Universiti tahun 2021.

Dalam analisa pemarkahan bagi UNIMAS yang dikeluarkan, sebanyak lima (5) indikator mencatatkan penurunan markah. International Faculty merupakan indikator terkuat UNIMAS pada kali ini dengan markah 35.7 dan kedudukan ranking berada di 436. Melalui perbandingan antara Universiti Awam (UA) Malaysia pula, UNIMAS berada di kedudukan ke tiga belas.

Perbandingan trend penerbitan QS WUR 2023 UA pula menunjukkan pencapaian UNIMAS masih jauh lebih rendah dalam semua jenis penerbitan walaupun menunjukkan peningkatan berbanding pencapaian tahun sebelum ini.

Program Latihan Audit Dalaman QMS ISO 9001:2015

Kota Samarahan : Siri latihan audit secara berkesan untuk Audit Dalaman MS ISO penambahbaikan Sistem 9001:2015 (QMS) telah diadakan secara hibrid di Dewan Kristal, BHEPA (UNIMAS) pada 9-10 Jun 2022.

Kursus anjuran SQRC ini akan dapat memberi pengaruh kepada 20 peserta yang merupakan Juruaudit Dalaman yang telah dilantik. Mereka terdiri daripada staf UNIMAS dari pelbagai latar belakang dan kepakaran.

Kursus ini dilaksanakan bagi memberikan pemahaman, kemahiran dan pengetahuan yang berkaitan untuk menjalankan audit.

Ini amat penting bagi memastikan Juruaudit Dalaman yang dilantik mampu melaksanakan audit dalaman dengan yakin dan dapat melaporkan hasil.



Para peserta latihan Audit Dalaman QMS

Pre-Council MyMoheS - Modul Pelajar

Kota Samarahan : Pihak KPT Data Pelajar dan Jadual Penghantaran Data kepada KPT.

Awam (UA) berhubung penghantaran data Modul Pelajar Sistem MyMoheS pada 7 Jun 2022 lalu.

Sesi tersebut memberi fokus kepada Medan Tumpuan

Pihak urusetia telah membentangkan 21 medan tumpuan data pelajar yang perlu diberi perhatian oleh pihak UA semasa penghantaran data pelajar nanti.

Mesyuarat JSKU Bil.02/2022 Ke-24

Kota Samarahan : Ahli-ahli Jawatankuasa Strategi dan Kualiti UNIMAS (JSKU) telah bersidang dalam Mesyuarat Bil.02/2022 Ke-24 pada 23 Jun 2022 dipengerusikan oleh YBhg Naib Canselor, Prof Datuk Dr Mohamad Kadim Suaidi.



Mesyuarat kali ini antara lain telah menerima maklum pelaporan pencapaian prestasi Pelan Strategik 2021-2025 UNIMAS dan memberikan maklumbalas berhubung keputusan penarafan THE Asia University Rankings 2022 dan QS World University Rankings 2023 yang telah diumumkan baru-baru ini.

Mesyuarat Ketua Strategi Fakulti Bil.01/2022 Ke-6

Kota Samarahan : Pengarah SQRC, Prof Dr Tarmiji Masron telah mempengerusikan Mesyuarat Ketua Strategi Fakulti Bil.01/2022 Ke-6 pada 21 Jun 2022. Mesyuarat dijalankan secara atas talian melalui aplikasi MS Team.



Mesyuarat berkala bersama Ketua Strategi Fakulti diadakan sebagai salah satu platform antara SQRC dan Ketua Strategi untuk menyalurkan maklumat, perbincangan dan pelaporan berkaitan strategi dan kualiti di peringkat fakulti masing-masing.

Konvokesyen Komemoratif UNIMAS

Kota Samarahan : Konvokesyen Komemoratif UNIMAS bagi meraikan graduan tahun 2020 telah diadakan pada 27-29 Jun 2022 menyaksikan 3695 orang graduan menerima ijazah masing-masing.

Sepertimana kelaziman, beberapa staf SQRC turut sama terlibat dalam majlis konvokesyen ini sebagai ahli jawatankuasa pelaksana dalam memastikan kelancaran majlis sepanjang lima (5) sidang tersebut.



Tahniah Raja Sehari - Hafiz & Mira

Sibu : Selamat Pengantin Baru dan setinggi tahniah diucapkan kepada rakan setugas di SQRC, Mohd Hafizuddin bin Sulaiman yang telah melangsungkan perkahwinan dengan Mira Emilia binti Drahman pada 5 Jun 2022 yang lalu.

Majlis meriah tersebut telah dilangsungkan di Dewan MUC, Sibu dan turut dihadiri oleh rakan-rakan sepejabat. Semo-ga Allah SWT memberkati kedua mempelai serta menjadi keluarga sakinah, mawaddah dan warrahmah.



Congratulations!

THE AWARDS ASIA 2022

SHORTLISTED

International Strategy of the Year
Sponsored by Elsevier

Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)
MALAYSIA

Phil Baty

Phil Baty, chief knowledge officer,
Times Higher Education

#THEAwardsAsia

THE AWARDS ASIA 2022

SHORTLISTED

Workplace of the Year

Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)
MALAYSIA

Phil Baty

Phil Baty, chief knowledge officer,
Times Higher Education

#THEAwardsAsia

Kalendar Aktiviti



Jun 2022

BIL	PERKARA	URUSAN / CATATAN	TARIKH
1	Penyediaan & Penghantaran Data MyMoheS - Modul Pelajar	Cut-off date 31.5.2022	1-24/06/2022
2	Sesi Pre-Council Data MyMoheS - Modul Pelajar	KPT - online	7/6/2022
3	Bengkel Audit Dalam QMS ISO 9001:2015	SIRIM STS Sdn Bhd	9-10/06/2022
4	SETARA 2022 - Self Audit	UA Checks and Report	22/5-13/06/2022
5	Mesyuarat Ketua Strategi Fakulti	Bil.01/2022 Ke-6	21/06/2022
6	Mesyuarat JSKU	Bil.02/2022 Ke-24	23/06/2022
7	SETARA 2022 - Document Audit	KPT Auditors Checks and Report	25/06-8/07/2022

Julai 2022

BIL	PERKARA	URUSAN / CATATAN	TARIKH
1	SETARA 2022 - Document Audit	KPT Auditors Checks and Report	25/06-8/07/2022
2	Taklimat Data MyMoheS Modul Pelajar, R&D&D, Maklumat Institusi	Data Owner & System Developer	1/07/2022
3	Penyediaan & Penghantaran Data MyMoheS - Modul Pelajar, R&D&C, Maklumat Institusi	Cut-off date 30.6.2022	1-25/07/2022
4	Audit Dalaman QMS ISO 9001:2015	Internal Auditors	1-15/07/2022
5	SETARA 2022 - Field Audit	KPT Auditors Site Audit	18/07-12/08/2022
6	Audit Dalaman ISMS ISO/IEC 27001:2013	Internal Auditors	18-29/07/2022
7	Audit Susulan QMS ISO 9001:2015	Internal Auditors	18-22/07/2022